

**Pembangking Perjuangkan Golongan Berada Bila Hapus PTPTN - Shafie Apdal
Bernama
9 April, 2012**

KUANTAN, 9 April (Bernama) -- Cadangan pembangkang untuk menghapuskan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) jika mereka memenangi pilihan raya umum akan datang merupakan perjuangan parti itu untuk golongan berada sahaja.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata PTPTN yang ditubuhkan sejak 1997 itu selama ini telah banyak berjasa kepada golongan kurang berkemampuan tidak boleh dimansuhkan kerana hanya saluran itu yang mampu membantu golongan tersebut.

"Saya rasa cadangan pembangkang yang mahu hapuskan PTPTN ini merupakan petanda bahawa mereka mahu memperjuangkan golongan berada seperti mereka bina rumah di Pulau Pinang di mana harganya mahal yang tidak mampu dimiliki oleh orang miskin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Daerah Siri 1 Tahun 2012 di sini, pada Isnin.

Katanya sekiranya tiada PTPTN, pelajar-pelajar miskin yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia tidak berpeluang untuk menyambung pengajian mereka ke menara gading.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657866>